

STRATEGI MENGURANGKAN PERBEZAAN HARGA KONTRAK
DENGAN HARGA PENYIAPAN PROJEK

SITI ZALEHA BINTI OMAR

Tesis ini dikemukakan sebagai memenuhi
syarat penganugerahan ijazah
Sarjana Muda (Sains) Pembinaan

Falkuti Alam Bina
Universiti Teknologi Malaysia

MEI 2011

ABSTRAK

Kos merupakan salah satu komponen projek yang paling penting di dalam industri pembinaan. Pihak jurukur bahan mempunyai tanggungjawab menyediakan ramalan awal dan perancangan kos yang berkesan dalam sesebuah projek pembinaan. Pihak kontraktor pula perlu menyediakan ramalan kos yang kompetitif dalam memastikan kelangsungan mereka dalam industri pembinaan. Antara objektif utama klien terhadap projek ialah penyiapan projek berdasarkan kos yang telah dipersetujui di dalam kontrak. Kegagalan pihak kontraktor untuk memenuhi kehendak klien tersebut akan menimbulkan pelbagai masalah kepada pihak klien dan juga kontraktor. Sehubungan dengan itu, kajian ini akan mengenalpasti faktor yang menyumbang kepada perbezaan harga kontrak dengan harga penyiapan projek serta strategi untuk mengurangkan perbezaan harga tersebut. Borang soal selidik digunakan sebagai instrumen kajian untuk mengumpul data. Manakala kaedah menganalisis data ialah menggunakan kaedah analisis diskriptif. Daripada hasil kajian ini, didapati bahawa sebanyak 95 peratus syarikat pembinaan mengalami situasi perbezaan harga kontrak dengan harga penyiapan projek. Terdapat tiga belas faktor yang mempengaruhi perbezaan harga kontrak dengan harga penyiapan projek dimana kenaikan harga bahan merupakan faktor yang signifikan terhadap perbezaan harga tersebut. Terdapat sebanyak tujuh strategi kontraktor untuk mengurangkan perbezaan harga kontrak dengan harga penyiapan projek dimana menyediakan kakitangan yang berpengalaman di tapak semasa proses pembinaan merupakan strategi yang signifikan untuk mengurangkan perbezaan kedua-dua harga tersebut.

ABSTRACT

Cost is one of the most important component in construction industry. Quantity surveyors are responsible to provide effective initial cost forecast and cost planning in a construction project. The contractor will have to provide a competitive cost forecasts to ensure their survival in the construction industry. Upon completion of the project, clients would expect the project to meet the cost agreed beforehand in the contract. The failure of the contractors to meet client's requirements will cause many problems for the client and the contractor. Accordingly, this study identified factors that contribute to the differences between the contract price with the final price of projects and the strategies to reduce the price differences. Questionnaires were used as the data collection instrument. The methods used for data analysis was descriptive analysis method. From the results of this study, it was found that 95 percent of construction companies have different final costs compared to the initial costs in the contract. There are thirteen different factors that affected the contract price and final price of the project. The materials price increase was a significant factor effecting. There were seven strategies to reduce the difference of contract price with the final price. It was found that assigning an experienced personnel on site during the construction process was a significant strategy to reduce the difference between this two prices.